



استان عالم شاه كلغ ،
سلاڠور دارالاحسان

1
ISTANA ALAM SHAH,
KLANG,
SELANGOR DARUL EHSAN,
MALAYSIA.

BETA PERKENANKAN,



SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH AL HAJ,
SULTAN NEGERI SELANGOR

(MOHOR KERAJAAN)

BERTARikh: 26hb Julai 1991

ENAKMEN PENGAWALAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA ISLAM 1988

KAEDAH-KAEDAH SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA ISLAM 1991

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 28 Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam 1988, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, atas nasihat Majlis, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama.

1. Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Sekolah-Sekolah Agama Islam 1991.

Permohonan.

2. (1) Tiap-tiap permohonan untuk menubuhkan suatu Sekolah Agama Islam hendaklah ditandatangani oleh Pengurus, Setiausaha dan Bendahari Lembaga.

(2) Pemohon itu hendaklah mengemukakan kepada Pendaftar -

(a) suatu permohonan dalam borang yang dipanggil Borang I sebagaimana ditetapkan dalam Jadual I;

(b) dua salinan suratcara Lembaga (sebagaimana dikehendaki oleh seksyen 13(1)) Enakmen dalam borang yang dipanggil Borang II sebagaimana ditetapkan oleh Jadual II; dan

(c) suatu senarai nama ahli-ahli Lembaga dalam suatu borang yang dipanggil Borang III sebagaimana ditetapkan oleh Jadual III.

(3) Borang III hendaklah ditandatangani oleh semua ahli-ahli Lembaga dan dikemukakan dalam dua salinan.

Kelulusan dan Penolakan.

3. (1) Setelah menerima permohonan, Pendaftar hendaklah memproseskannya dan boleh, jika dia fikirkan perlu, meminta maklumat tambahan daripada pemohon atau daripada mana-mana orang lain.
- (2) Jika pendaftar luluskan sesuatu permohonan itu, dia hendaklah (selain daripada mematuhi seksyen 13 Enakmen)-
- (a) mendaftarkan Sekolah Islam itu dengan memasukkan butir-butir Sekolah Islam itu dalam sebuah buku yang disimpan bagi maksud ini;
 - (b) ke atas kedua-dua salinan suratcara itu (yang dikemukakan menurut seksyen 13(1) Enakmen dan kaedah 2(2)(b), mengecap perkataan "DILULUS"; menambahkan tandatangannya serta merekodkan tarikh kelulusan itu;
 - (c) ke atas kedua-dua salinan senarai nama ahli-ahli Lembaga (yang dikemukakan menurut kaedah 2(2)(c)), mengecap perkataan "DILULUSKAN" dan menambahkan tandatangannya serta merekodkan tarikh kelulusan itu;
 - (d) mengeluarkan kepada Lembaga suatu salinan suratcara yang diluluskan itu; dan
 - (e) mengeluarkan kepada Lembaga suatu salinan senarai nama ahli-ahli yang diluluskan.
- (3) Jika Pendaftar menolak permohonan itu, dia hendaklah memberitahu pemohon alasan penolakan itu.

(4) Seseorang pemohon yang permohonannya telah ditolak boleh mengemukakan permohonan baharu.

Pamiran Sijil.

5. Lembaga hendaklah sentiasa mempamirkan Sijil Pendaftaran serta senarai ahli Lembaga di suatu tempat yang mudah dilihat dalam pejabat sekolah Islam itu.

Sekolah cawangan.

6. Sesuatu cawangan sekolah Islam hendaklah membuat permohonan pendaftaran yang berasingan.

JEMAAH-PENGURUS

Kehilangan kelavakan.

7. (1) Tertakluk kepada peruntukan kaedah ini, seseorang itu hilang kelayakannya untuk menjadi seorang ahli Lembaga sekiranya -

- (a) dia adalah dan telah didapati atau diisyiharkan sebagai tidak berfikiran waras;
- (b) dia adalah seorang bankrap yang belum dilepaskan; atau
- (c) dia telah disabitkan oleh Mahkamah di Malaysia atas suatu kesalahan dan dikenakan hukuman penjara bagi suatu tempoh yang tidak kurang daripada satu tahun atau dikenakan denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit.

(2) Kehilangan kelayakan seseorang itu di bawah paragraf (c) subkaedah (1) hendaklah terhenti dihujung tempoh lima tahun yang bermula daripada tarikh orang yang disabitkan itu dibebaskan daripada tahanan atau tarikh denda yang dikenakan dibayar.

(3) Walau apapun dalam peruntukan terdahulu kaedah ini, jika seseorang ahli Lembaga itu hilang kelayakannya untuk terus menjadi ahli Lembaga di bawah paragraf (c) kaedah (1) -

- (a) kehilangan kelayakan itu hendaklah bermula apabila tamat empat belas hari daripada tarikh dia disabitkan dan dihukum; atau
- (b) jika dalam tempoh empat belas hari sebagaimana ditetapkan di paragraf (a) suatu rayuan atau prosiding mahkamah lain dibuat terhadap sabitan atau hukuman itu, kehilangan kelayakan itu hendaklah bermula apabila tamat empat belas hari dari tarikh rayuan atau prosiding mahkamah itu selesaikan oleh mahkamah.

Perubahan kepada ahli.

8. (1) Jika berlakunya apa-apa perubahan kepada keanggotaan Jemaah, termasuklah apa-apa perubahan kepada perlantikan Pengerusi, Naib Pengerusi, Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari atau Penolong Bendahari atau kepada bilangan ahli Jemaah, Jemaah hendaklah dalam tempoh empat

belas hari dari tarikh perubahan itu memaklumkan kepada Pendaftar mengenai perubahan itu.

(2) Apabila memberitahu Pendaftar mengenai apa-apa perubahan, Jemaah hendaklah juga mengemukakan kepadanya senarai ahli-ahli yang diluluskan yang telah dikeluarkan oleh Jemaah mengikut kaedah 2(2)(e).

(3) Jika Pendaftar meluluskan perubahan itu, dia hendaklah -

- (a) membuat pindaan yang perlu kepada senarai ahli yang telah diluluskan dan diumumkan itu dan juga kepada senarai dalam simpannya;
- (b) mengecap perkataan "PINDAAN DILULUSKAN", menambah tandatangannya dan hendaklah mencatitkan tarikh kelulusan, pada kedua-dua salinan senarai yang diluluskan itu; dan
- (c) kembalikan senarai yang diluluskan itu sebagaimana dipinda kepada Jemaah.

JADUAL I

(Kaedah 2(2)(a))

BORANG I

(Kaedah 2(2)(a) dan Jadual I, Kaedah-Kaedah Sekolah-Sekolah Agama Islam 1991)

BORANG PERMOHONAN PENDAFTARAN

SEKOLAH AGAMA ISLAM

No. Telefon (jika ada):

Alamat Sekolah Agama Islam yang Dicadangkan:

.....
.....
.....
.....

Tarikh:

Pendaftar Sekolah Agama Islam
Selangor Darul Ehsan
(Alamat)

Tuan,

(Nama Sekolah Agama Islam yang Dicadangkan)

Kami, Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari Sekolah Agama Islam yang tersebut di atas memohon pendaftaran sekolah tersebut.

2. Butir-butir Sekolah tersebut adalah seperti berikut:

(a) Penempatan Sekolah:

(b) Pemunya tanah yang berdaftar, nombor hakmilik dan lot tanah, dan keluasan tanah atas mana Sekolah itu didirikan:

(c) Suatu akujanji bertulis oleh pemunya tanah yang berdaftar bahawa tanah itu akan digunakan bagi maksud Sekolah dan bahawa Sekolah itu akan

dibenarkan menggunakan tanah itu tanpa gangguan bagi suatu tempoh yang tetap:

- (d) Nama, nombor kad pengenalan, umur, jantina, kelavakan tiap-tiap guru:
- (e) Keterangan bahawa wang ada atau akan disediakan bagi maksud penvelenggaraan Sekolah dan keterangan mengenai sumber kewangan masa hadapan:
- (f) Jenis-jenis dan amaun fee yang akan dikutip dari tiap-tiap penuntut:
- (g) Gaji yang akan dibayar kepada tiap-tiap guru:
- (h) Anggaran jumlah penuntut Sekolah, bilangan bilik darjah yang disediakan dan bilangan penuntut dalam tiap-tiap bilik darjah: dan

(ii) Sidakau melaikur nama dicantumkan bagi setiap kelajuan;

(CATATAN: Lampirkan kertas berasingan jika perlu dan tandatangan tiap-tiap helai kertas tambahan.)

Kami, yang menandatangan di bawah ini membuat perjanjian bahawa kesemua maklumat dari butir-butir di atas adalah pada sebaik-sebaik pengertuan Kami benar.

(Tandatangan Pengurus)

(Nama Pengurus)

(No. Kad Pengenalan)

(Tandatangan Setiausaha)

(Nama Setiausaha)

(No. Kad Pengesahan)

(Tandatangan Bendahari)

(Nama Bendahari)

(No. Kad Pengenalan)

JADUAL II
(Kaedah 2(2)(b))

BORANG II

(Kaedah 2(2)(b) dan Jadual II, Kaedah-Kaedah Sekolah-Sekolah Agama Islam 1991)

SURATCARA SEKOLAH AGAMA ISLAM

NAMA DAN OBJEKTIF

1. Maka adalah ditubuhkan sebuah Sekolah Agama Islam yang dipanggil

2. Objektif Sekolah Agama Islam tersebut adalah -
 - (1) untuk mengajar agama Islam;

.....
JEMAAH PENGURUSAN

3. Jemaah Pengurusan Sekolah Agama Islam hendaklah dikenali sebagai

4. Jemaah Pengurusan hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tujuh orang ahli, iaitu -
 - (a) seseorang Pengerusi;

- (b) seseorang Naib Pengerusi;
- (c) seseorang Setiausaha;
- (d) seseorang Penolong Setiausaha;
- (e) seseorang Bendahari;
- (f) seseorang Penolong Bendahari; dan
- (g) sekurang-kurangnya seorang ahli biasa.

5. Seseorang ahli Jemaah -

- (a) hendaklah berumur sekurang-kurangnya dua puluh satu tahun; dan
- (b) hendaklah beragama Islam.

6. Seseorang itu hendaklah terhenti menjadi ahli Jemaah jika -

- (a) dia meninggal dunia;
- (b) dia meletak jawatan dengan memberi notis secara bertulis kepada Setiausaha atau Pengerusi;
- (c) dia dipecat oleh Jemaah atas arahan Pendaftar;
- (d) dia dipecat oleh Pendaftar;
- (e) dia hilang kelayakan untuk menjadi ahli menurut undang-undang;
- (f) dia dipecat oleh Jemaah dengan undi lebih suara di suatu mesyuarat Jemaah yang dipanggil bagi maksud tersebut; atau
- (g) tanpa alasan yang munasabah, dia telah tidak hadir mesyuarat Jemaah tiga kali berturut-turut.

7. Apa-apa kekosongan dalam Jemaah hendaklah diisikan dengan seberapa segera yang boleh melalui keputusan yang dibuat di mesyuarat Jemaah.

8. Jemaah hendaklah menguruskan Sekolah menurut Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam 1988 dan kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya.

MESYUARAT

9. Bilangan ahli yang perlu hadir untuk korum bagi sesuatu mesyuarat Jemaah ialah lima.

10. Prosiding Jemaah tidak boleh dianggap sebagai tidak sah atas sebab terdapatnya apa-apa kekosongan keahlian Jemaah atau apa-apa kecacatan dalam pemilihan atas perlantikan mana-mana ahli.

11. Tiap-tiap persoalan yang hendak ditentukan di sesuatu mesyuarat itu hendaklah dibuat secara undi lebih suara ahli yang hadir dan jika terdapat undi sama bahagian, pengerusi mesyuarat mempunyai undi penentuan.

12. Jemaah hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam enam bulan.

13. Tiap-tiap mesyuarat Jemaah hendaklah dipanggil oleh Pengerusi yang akan mengarah Setiausaha supaya memberitahu

ahli-ahli secara bertulis sekurang-kurang tujuh hari sebelum mesyuarat, dan notis itu hendaklah dihantarkan kepada ahli-ahli bersama dengan agenda mesyuarat.

14. Walau apapun dalam Perkara 15, mana-mana tiga orang ahli boleh secara bersama, dengan memberi notis secara bertulis kepada Setiausaha atau Pengerusi, memohon supaya diadakan suatu mesyuarat, dan jika permohonan seperti ini dibuat, Setiausaha hendaklah dengan seberapa segera yang boleh memanggil mesyuarat mengikut cara yang ditetapkan oleh Perkara 13.

15. Jika di sesuatu mesyuarat itu Pengerusi tidak hadir, mesyuarat hendaklah dipengerusikan oleh Naib Pengerusi; tetapi jika Naib Pengerusi juga tidak hadir, ahli-ahli yang hadir boleh melantik mana-mana di antara mereka yang hadir untuk mempengerusikan mesyuarat.

AKAUN SEKOLAH AGAMA

16. Akaun Sekolah Agama (sebagaimana dikehendaki ditubuhkan di bawah seksyen 9 Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam 1988) hendaklah disimpan oleh Bendahari di bawah Pengawasan dan di tempat dan dengan cara sepertimana ditentukan oleh Jemaah.

17. Tahun kewangan Jemaah hendaklah bermula pada 1hb Januari dan berakhir pada 31hb Disember tiap-tiap tahun.

18.(1) Selepas 31hb Disember tiap-tiap tahun tetapi tidak lewat daripada 31hb Mac tahun yang berikutnya Bendahari hendaklah dengan seberapa segera yang boleh menyediakan dan mengemukakan suatu penyata kewangan kepada Jemaah dan Jemaah adalah dikehendaki untuk menyebabkan penyata itu diauditkan oleh dua orang juruaudit bersijil yang dilantik oleh Jemaah dengan kelulusan Pendaftar.

(2) Penyata kewangan itu hendaklah mengandungi maklumat mengenai penerimaan dan pembayaran dan pendapatan dan perbelanjaan serta lembaran imbangan Jemaah seperti pada 31hb Disember tahun kewangan sebelumnya.

(3) Penyata kewangan yang diperakukan oleh juruaudit itu serta sebarang pemerhatian yang dibuat olehnya hendaklah dibentangkan di hadapan Jemaah dengan seberapa segera yang boleh.

(4) Jemaah hendaklah tidak lewat daripada 30hb Jun tiap-tiap tahun mengemukakan akaun teraudit tahunan kepada Pendaftar. Pendaftar boleh meminta maklumat lanjutan atau penjelasan mengenai akaun ataupun boleh melantik seorang untuk mengaudit semula akaun dan boleh mengambil apa-apa tindakan ke atas akaun sebagaimana dia fikirkan perlu.

AM

19. Semua harta yang dalam bentuk tunai hendaklah didepositkan dalam sebuah bank yang dipilih oleh Jemaah tetapi Bendahari boleh menyimpan lima ratus ringgit pada mana-mana ketika bagi maksud perbelanjaan kecil.
20. Semua cek yang dikeluarkan hendaklah ditandatangani oleh kedua-dua Pengerusi (atau, semasa ketiadaannya, Naib-Pengerusi) dan Bendahari (atau, semasa ketiadaannya, Penolong Bendahari).
21. Setiausaha hendaklah menguruskan surat-menyurat Jemaah dan hendaklah menyimpan suatu rekod yang lengkap dan tepat mengenai semua mesyuarat dan lain-lain prosiding Jemaah.
22. Tertakluk apa-apa arahan Pengerusi dan kepada Perkara 15 dan Perkara 20, -
- (a) Naib-Pengerusi hendaklah membantu Pengerusi dan boleh menjalankan mana-mana fungsi Pengerusi;
 - (b) Penolong Setiausaha hendaklah membantu Setiausaha dan boleh menjalankan mana-mana fungsi Setiausaha; dan
 - (c) Penolong Bendahari hendaklah membantu Bendahari dan boleh menjalankan mana-mana fungsi Bendahari.

JADUAL III

(Kaedah 2(2)(c))

BORANG III

(Kaedah 2(2)(c) dan Jadual III, Kaedah-Kaedah Sekolah-Sekolah Agama Islam 1991)

AHLI-AHLI JEMAAH PENGURUSAN

A. Pengerusi

1. Nama:
2. Jantina:
3. No. Kad Pengenalan:
4. Alamat:
5. Tandatangan:

B. Naib-Pengerusi

1. Nama:
2. Jantina:
3. No. Kad Pengenalan:
4. Alamat:
5. Tandatangan:

C. Setiausaha

1. Nama:
2. Jantina:
3. No. Kad Pengenalan:
4. Alamat:
5. Tandatangan:

D. Penolong Setiausaha

1. Nama:
2. Jantina:
3. No. Kad Pengenalan:
4. Alamat:
5. Tandatangan:

E. Bandahari

1. Nama:
2. Jantina:
3. No. Kad Pengenalan:
4. Alamat:
5. Tandatangan:

F. Penolong Bendahari

1. Nama:
2. Jantina:
3. No. Kad Pengenalan:
4. Alamat:
5. Tandatangan:

G. Lain-lain Ahli

1. Name:
2. Jantina:
3. No. Kad Pengenalan:
4. Alamat:
5. Tandatangan:

Diperbuat pada 26hb Julai 1991

[; P.U. Sel. 1545 Sj. 18A]

Dengan Titah Perintah,

TAN SRI DATO' HAJI MUHAMMAD BIN HAJI MUHAMMAD TAIB
MENTERI BESAR
SELANGOR